



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

OLEH:

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

DIBACAKAN OLEH:

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MALAM WARISAN BUDAYA BANGSA:
MISI SUKARELAWAN SISWA KE SARAWAK 2023**

TARIKH:

11 NOVEMBER 2023 (SABTU)

MASA:

8.00 MALAM

LOKASI:

**DEWAN SERBAGANUA KAMPUNG SUNGAI MAONG,
PETRAJAYA, KUCHING, SARAWAK**

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

SALUTASI

***Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri atas kesudian hadir bagi merasmikan Malam Warisan Budaya Bangsa sempena **Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2023** anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara.
2. Untuk makluman Dato Sri, matlamat utama YSS adalah membangunkan Malaysia sebagai sebuah hub kesukarelawanan dan menghasilkan Ikon Sukarelawan di pentas global. Sejak penubuhannya pada 2012 hingga kini, YSS telah berjaya :
 - **53 misi sukarelawan di dalam dan luar negara (Vietnam & Laos)**
 - **menjalankan lebih 7,000 projek berimpak tinggi**
 - **melahirkan seramai lebih 1,600 pemimpin sukarelawan**

3. Pada tahun ini, dua misi sukarelawan telah dijalankan di Sabah dan Sarawak. Misi ke Sarawak ini melibatkan penyertaan seramai **95 orang sukarelawan siswa** termasuk 12 orang alumni bermula pada **3 hingga 16 November 2023** melibatkan enam (6) kawasan di Negeri Sarawak iaitu:

- a) **Sungai Maong, Petra Jaya;**
- b) **Ng Machan, Kanowit;**
- c) **Daha, Serian;**
- d) **Ba'kelalan, Lawas;**
- e) **Long Laput, Telang Usan; dan**
- f) **Long Kevok, Telang Usan**

4. Pelbagai aktiviti dijalankan yang merangkumi aspek khidmat komuniti, pendidikan, kebudayaan, warisan, dan pembangunan usahawan. Antaranya:

- **Projek pembinaan tempat letak kereta di SK Daha**
- **Program literasi digital dan keusahawan di Kampung Daha**
- **Projek hidroponik di Kampung Sungai Maong**
- **Projek lampu solar jalan di Nanga Machan**
- **Keusahawan sosial di Long Kevok, Long Laput dan Bakelalan**
- **Projek fasiliti awam di Nanga Machan**

5. Program yang berkonsepkan *'immersion'* dan *'right volunteers for the right job'* ini dilihat sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen "ihsan" serta menjadikan warisan sebagai salah satu platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

AGENDA PERPADUAN MELALUI KESUKARELAWAN

6. KPN melalui YSS turut memainkan peranan penting dalam membawa agenda perpaduan melalui aktiviti kesukarelawanan. Tema "**Perpaduan melalui Kesukarelawanan**" telah dipilih sebagai gagasan utama YSS untuk membangunkan sukarelawan mahasiswa yang mampu menjayakan agenda perpaduan negara.
7. Kementerian Perpaduan Negara juga akan mengiktiraf kesemua alumni YSS ini sebagai **Duta Perpaduan Negara**. Ini adalah sebuah usaha untuk mengalakkan penglibatan mereka dalam memimpin projek komuniti sekaligus memupuk semangat kepelbagaian dan perpaduan dalam komuniti.

8. Sehubungan dengan itu, kementerian turut berpandangan bahawa perlunya sebuah dasar khusus bagi pembangunan sukarelawan di Malaysia. Oleh itu, kementerian akan mengkaji keperluan untuk menggubal **Dasar Kesukarelawan Nasional** yang akan memayungi pembangunan bakat, potensi dan penyediaan platform aktiviti kesukarelawan di negara ini.
9. Untuk makluman Dato Sri, baru-baru YSS ini berjaya melaksanakan **Persidangan Kesukarelawan Antarabangsa yang melibatkan sebanyak 51 buah negara** di Kuala Lumpur. Rentetan daripada itu, kementerian melalui YSS akan menganjurkan **Konvesyen Sukarelawan Nasional** pada tahun depan yang akan melibatkan semua badan-badan kesukarelawan seperti **MyCorp, Rakan Muda, Impact Malaysia, Jiran Muda KRT, Skwad Sukarelawan Anak Malaysia (Satria)** dan lain-lain.
10. Pelaksanaan **misi kesukarelawan** ini juga akan diteruskan dan diperluas kepada negeri-negeri lain mulai tahun hadapan. **Tahun 2024, misi sukarelawan siswa akan turut diadakan di negeri Kedah dan Kelantan** yang juga kaya dengan kepelbagaian etnik seperti melayu, cina, india dan siam.

11. Para pelajar Institusi Pendidikan Tinggi mempunyai peranan penting dalam **menyemarakkan semangat perpaduan dan menyebarkan mesej perpaduan** kepada seluruh segmen masyarakat di Malaysia melalui aktiviti kesukarelawan dan khidmat komuniti.

12. Akhir kata, selamat maju jaya kepada semua sukarelawan siswa dengan harapan agar pengalaman ini dijadikan satu pengalaman yang berharga.

Sekian, terima kasih.